



Pelajar raih 6 pingat emas dan 3 Anugerah Khas dalam i-ENVEX

Oleh: ABDUL RAHMAN AHMAD

Arau, 19 April- Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi enam pingat emas, tiga perak dan enam gangsa dalam Pameran Antarabangsa Inovasi dan Rekreasi Kejuruteraan (i-ENVEX) anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMap) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 19 April 2013 yang lalu.

Penyelidikan oleh pelajar kelainan upaya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Siti Hawa Apendi bertajuk 'Smart Attendance Management System' telah memenangi pingat emas dan diiktiraf menerima Anugerah Khas i-ENVEX Best Award (ICT Multimedia, Telecommunications, Electricity & Electronic). Penyelidikan ini diselua oleh Pensyarah FSKKP, Rozlina Mohamed dan Muhammad Zulfahmi Toh Abdullah@Toh Chin Lain.

Pingat emas turut dimenangi Mohd. Faiz A. Razak dan Nurul Hidayah Muhammad@Ghazali dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan projek penyelidikan bertajuk 'Ultrasonic Assisted Transesterification of WCO Catalysed by Cement Clinker Based Catalyst' seliaan pensyarah FKKSA, Dr. Jolius Gimbut. Penyelidikan yang menerima anugerah khas Sir Anthony J. Leggett Nobel Award yang turut menerima wang tunai seribu ringgit. Penyelidikan melibatkan pelajar Nur Syazwani Mohd. Noor, Said Nordin dan Liyana Amer Shah.

Pelajar FKKSA, Muhammad Noor Azreen Mohd Khairu dan Noor Adilah Md Salehan juga menerima pingat emas dan Anugerah Khas INOVA Young Inventor Award tajaan Croatia Inventors Association apabila projek penyelidikan mereka bertajuk 'Recycling Of Monoethanolamine (MEA) Wastewater Using Bioadsorbents Treatment system (From Waste to Wealth)' mendapat perhatian pihak juri.

"Penyelidikan yang dijalankan ini adalah merawat sisa bahan kimia (monoethanolamine) dengan menggunakan penyerap semula jadi yang terbuang seperti chitosan, serkam padi, kulit pisang dan hampas tebu yang dikitar semula melalui proses penyerapan berterusan," katanya yang ditemui selepas menerima anugerah.

Beliau amat menghargai sokongan dan dorongan pensyarah yang banyak membantu terutamanya dalam membuat persediaan semasa

sesi penilaian dijalankan.

Penyelidikan di bawah seliaan pensyarah, Mohd. Najib Razali dan Dr. Anwaruddin Hisyam ini juga membabitkan penglibatan pelajar lain iaitu Noor Adilah Md. Salehan, Noradlinnaini Mihamad, Zulfahfiz Zulkifli dan Mohd. Ebran Razali.

Lain-lain yang mendapat emas melibatkan pelajar dari FKKSA, Nurul Asyikin Mohd Azam, Che Mohd Aizal Che Mohd dan Shalini A/P Mani serta Mohd Syaifulsyam dan Hajar Athirah Mohd Sukri dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Penyertaan pada kali ini melibatkan lebih 500 penyelidik muda yang mempamerkan 289 produk penyelidikan termasuk dari luar negara iaitu Kemboja, Kanada, India, Korea Selatan dan Iran.

